

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C. Jalan
Sulaiman,
Kuala Lumpur.

19hb. Julai, 1973

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1973

Cara-cara meletakkan ke dalam perjawatan berpencen bagi pekerja-pekerja sekolah dalam Perkhidmatan Kerajaan (kecuali Guru) yang dahulunya kakitangan bukan Kerajaan

Perenggan 80 dan 81 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1972](#) membekalkan peraturan untuk meletakkan ke dalam perjawatan berpencen pekerja-pekerja tetap bukan Kerajaan di sekolah-sekolah bantuan penuh yang telah memilih memasuki Perkhidmatan Kerajaan. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menerangkan prinsip dan peraturan meletakkan pekerja-pekerja berkenaan ke dalam perjawatan berpencen.

Syarat-syarat kelayakan

2. Perenggan 80(a) [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1972](#) mensyaratkan bahawa semua pekerja-pekerja sekolah tetap bukan Kerajaan yang menjadi pekerja-pekerja Kerajaan dan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Panduan untuk menentukan kedudukan pekerja-pekerja berkenaan sebagai pegawai tetap dan juga kelayakan masing-masing bagi ditempatkan ke dalam perjawatan berpencen adalah seperti berikut:-

- (a) Sekiranya seorang pekerja itu telah ditetapkan (sahkan) dalam jawatannya sebelum ia memilih masuk ke dalam Perkhidmatan Kerajaan, maka ia adalah dianggap sebagai pegawai tetap dan berkelayakan untuk di letakkan ke dalam perjawatan berpencen;
- (b) Sekiranya seorang pekerja itu dilantik ke jawatan tetap, tetapi masih lagi dalam tempoh percubaan atau belum lagi ditetapkan (sahkan) oleh kerana belum lulus peperiksaan yang diwajibkan mengikut Sekim Perkhidmatan apabila memilih masuk ke dalam Perkhidmatan

Kerajaan, maka ia adalah dilantik ke dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh percubaan yang tertentu. Pekerja berkenaan hendaklah terlebih dahulu disahkan dalam jawatannya mengikut syarat-syarat lantikan baharu mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/1972](#) sebelum boleh dipertimbangkan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen.

3. Untuk faedah perkiraan, tempoh perkhidmatan selama tiga tahun itu adalah termasuk tempoh perkhidmatan di sekolah bantuan penuh yang bersambung dengan perkhidmatan sekarang. Oleh itu bagi pekerja dalam Kumpulan 2(a) yang telah berkhidmat dengan tiada terputus-putus selama 3 tahun sebelum memilih memasuki Perkhidmatan Kerajaan adalah layak dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen sekarang. Sekiranya perkhidmatan pegawai berkenaan belum lagi mencukupi 3 tahun, maka ia hanya layak apabila genap tempoh perkhidmatan 3 tahun yang dikehendaki. Pekerja dalam Kumpulan 2(b) hanya layak dipertimbangkan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen selepas disahkan dalam jawatannya dan apabila genap tempoh perkhidmatan selama tiga tahun dengan tiada terputus-putus.

4. Pemakaian syarat-syarat kelayakan bagi penempatan ke dalam perjawatan berpencen ini tidaklah meliputi pekerja-pekerja yang dahulunya dalam perkhidmatan sementara.

5. Bagi perletakan ke dalam perjawatan berpencen, Lembaga yang diwakilkan kuasa seperti dalam perenggan 81 [Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/72](#) adalah dikehendaki mengikut peraturan dalam [Perintah Am Bab A 38 \(1973\)](#). Walau bagaimanapun peraturan meletakkan pekerja-pekerja dalam Kumpulan 2(a) ke dalam perjawatan berpencen adalah dilonggarkan iaitu sebagaimana syarat-syarat berikut:

- (a) **Sijil Kesihatan:** Sijil Kesihatan dalam Borang Am 402 tidak lagi dikehendaki. Adalah diputuskan kecuali dengan adanya bukti yang menunjukkan seorang pegawai itu mengidap penyakit yang melarat, ia boleh dianggap sihat dari segi perubatan untuk maksud perletakan ke dalam perjawatan berpencen.
- (b) **Penyata Perkhidmatan:** Salinan Penyata Perkhidmatan tidak lagi dikehendaki untuk maksud ini. Borang dalam [Lampiran 'A'](#) yang mesti dipenuhi adalah mencukupi untuk pihak yang berkuasa menimbang kelayakan seseorang pekerja.
- (c) Borang dalam [Lampiran 'A'](#) hendaklah digunakan bagi tiap sokongan perletakan ke dalam jawatan berpencen. Borang ini dibuat supaya perletakan ke dalam perjawatan berpencen dapat diselenggarakan dalam masa yang paling singkat.

Tarikh Perletakan ke dalam perjawatan berpencen

6. Pekerja-pekerja berkenaan yang layak untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen adalah terdiri dari:

- (a) Yang sedang berkhidmat;
- (b) Yang telah bersara selepas 1.4.1972;
- (c) Yang telah meninggal dunia pada atau selepas 1.4.1972.

Bagi pekerja dalam golongan yang sedang berkhidmat tarikh perletakan hendaklah pada satu haribulan selepas keputusan pihak berkuasa diperolehi. Bagi pekerja-pekerja yang telah bersara, tarikh perletakan adalah satu hari sebelum mereka bersara. Bagi pekerja-pekerja yang telah meninggal dunia, tarikh perletakannya ialah tarikh mereka meninggal dunia. Seseorang pekerja tidak sepatutnya diletakkan ke dalam perjawatan berpencen lebih awal daripada 1.4.1972.

Pemberitahuan.

7. Borang seperti di [lampiran 'B'](#) hendaklah digunakan untuk memberitahu seseorang pekerja itu telah dimasukkan ke dalam perjawatan- berpencen. Pemberitahuan kepada yang telah meninggal dunia tidaklah perlu. Catitan mengenai penempatan ke dalam perjawatan berpencen hendaklah dibuat dalam rekod perkhidmatan.

8. Adalah ditegaskan bahawa perlonggaran peraturan meletakkan ke dalam perjawatan berpencen bagi pekerja-pekerja dalam kumpulan 2(a) sebagaimana dalam perenggan 5 di atas hanya boleh digunakan hingga 31 hb Disember 1973. Selepas tarikh itu peraturan biasa seperti dalam [Perintah Am Bab A 38 \(1973\)](#) hendaklah dipatuhi. Oleh itu kerjasama Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta untuk menentukan supaya semua kes-kes pekerja yang berkecukupan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen dapat diletakkan sedemikian sebelum tarikh tersebut.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Pengarah-Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri.

s.k. :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Y.B Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Semenanjung Malaysia.

BORANG

Kepada Pengerusi Lembaga

I. PERLETAKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN PEKERJA-PEKERJA BUKAN GURU

Mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972](#), Ketua Jabatan telah memperakukan supaya Encik/Cik/ Puan

..... sebagai dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Ia telah menerima

(nama penuh) (nama jawatan)

perlantikan ke dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia mengikut sistem gaji bersih pada

.....

2. Butir-butir mengenai perkhidmatan pegawai di atas adalah seperti berikut:-

(i) Jawatan ini adalah dalam perkhidmatan dan ianya berpencen.

(ii) *Ia sedang berkhidmat.

*Ia telah bersara pada

*Ia telah meninggal dunia pada

(iii) Ia telah berkhidmat dengan tiada terputus-putus selama tahun
..... bulan di

dalam jawatannya mulai dari.....

(tarikh)

(iv) Sekim Perkhidmatan mensyaratkan dia berkhidmat selama tahun untuk disahkan dalam

jawatan dan 3 tahun untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen.

(v) + Ia telah lulus peperiksaan yang diwajibkan dan/telah disahkan dalam jawatan pada

(vi) Diakui tidak ada bukti dalam rekodnya yang menunjukkan dia mengidap penyakit yang melarat.

*Potong mana yang tidak dikehendaki.

+ Dalam keadaan di mana Pegawai-pegawai telah tidak disahkan secara rasmi, tetapi telah diberi kenaikan gaji selepas tempoh percubaan, mereka adalah dianggap sebagai telah disahkan mulai daripada tarikh mereka layak disahkan.

II. PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya sahkan bahawa butir-butir tersebut di atas adalah betul. Diperakukan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen.

Tarikh

.....

Ketua Jabatan

III. Keputusan Lembaga yang diwakilkan kuasa mengikut perenggan 81 kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/72](#).

Diluluskan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen mulai daripada

.....

.....

Ketua Jabatan

Tarikh

LAMPIRAN 'B'

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Adalah saya memaklumkan bahawa selepas menimbangkan perakuan yang dikemukakan oleh(Ketua Jabatan) maka Lembaga telah memberi perintah bahawa Tuan/puan diletakkan ke dalam perjawatan berpencen mulai daripada sebagai
.....

.....
(Pengerusi Lembaga)

Tarikh